



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

STEM SHOWCASE 2024 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG SEMPENA MINGGU SAINS NEGARA KOMITMEN MOSTI DALAM MEMBUDAYAKAN STI DALAM KALANGAN ANAK NEGERI PULAU PINANG

GEORGETOWN, 23 Ogos 2024 – Penganjuran Karnival Minggu Sains Negara diteruskan pada tahun ini dengan penganjuran **STEM SHOWCASE 2024 Peringkat Negeri Pulau Pinang Sempena Minggu Sains Negara (MSN)** yang merupakan karnival kedua di peringkat negeri bagi tahun 2024 setelah pelaksanaannya di Negeri Kelantan.

Pelaksanaan Minggu Sains Negara pada tahun 2024 merupakan tahun yang ke-7 sejak dilancarkan pada tahun 2018. Ianya adalah komitmen MOSTI dalam membudayakan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dalam kehidupan rakyat Malaysia secara konsisten dan berterusan. Inisiatif tersebut adalah selaras dengan Pelan Tindakan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021 – 2030 bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan STI.

Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, antara tujuan utama pelaksanaan Karnival Minggu Sains Negara untuk meraikan kepelbagaian pengisian STI di setiap negeri dan juga memberi peluang kepada penggerak dan pengamal STI tempatan untuk mengetengahkan idea, teknologi dan inovasi mengikut keperluan masyarakat setempat.

Bagi pelaksanaan di Negeri Pulau Pinang, Karnival Minggu Sains Negara telah digarapkan sebagai **STEM SHOWCASE 2024 Peringkat Negeri Pulau Pinang** sempena Minggu Sains Negara.

Tempoh pelaksanaan program ini juga telah diteliti agar bersesuaian dengan program yang akan dilaksanakan secara bulanan bagi memberikan impak yang berkesan dan berterusan kepada kumpulan sasar.

YB Tuan Chang Lih Kang dalam ucapan perasmianya turut memaklumkan pelaksanaan Minggu Sains Negara 2024 merupakan inisiatif utama MOSTI untuk menyemarak serta mempergiatkan aktiviti pembudayaan STI dalam kalangan masyarakat khususnya kepada golongan pelajar dan belia adalah melalui aktiviti pembelajaran secara bukan formal dan di luar bilik darjah.

MOSTI komited untuk menggembeling tenaga dan usaha bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam membudayakan STI melalui program-program pembudayaan STI di luar bilik darjah yang berterusan kepada golongan sasaran yang terlibat khususnya kanak-kanak dan pelajar di peringkat bangku sekolah melalui program Minggu Sains Negara dalam memperkasakan agenda STEM Negara.

Bersempena Karnival Minggu Sains Negara 2024 Peringkat Negeri Pulau Pinang yang akan berlangsung selama dua (2) hari ini, MOSTI bersama Kerajaan Negeri menyasarkan penglibatan dan kehadiran lebih daripada 10 ribu orang pengunjung. Program ini turut dihadiri oleh YB Tuan Jagdeep Singh Deo, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang dan YBhg. Dato' Dr. Ts. Haji Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha MOSTI.

Oleh yang demikian, seluruh rakyat Malaysia dijemput untuk bersama-sama memeriahkan Karnival Minggu Sains Negara 2024 yang dianjurkan serta mengikuti pelbagai aktiviti dan pertandingan berteraskan STI yang telah disediakan secara dalam talian di platform Minggu Sains Negara 2024 di minggusainsnegara.mosti.gov.my

Sekian.

Disediakan oleh,

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

23 OGOS 2024